

Pilih jawapan yang tepat.

1. Manakah antara berikut merupakan karya yang menyebarkan ideologi komunis?

Buku
Teks
ms 146

- A *Manifesto*
- B *Das Kapital*
- C *Das Manifesto*
- D *Communist Kapital*

2. Manakah antara berikut merupakan parti yang membawa pengaruh komunis dari negara China?

Buku
Teks
ms 146

- I Parti Kuomintang (KMT)
- II Parti Komunis Malaya (PKM)
- III The Communist International (Comintern)
- IV Parti Komunis Nanyang (PKN)
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

3. Manakah antara berikut merupakan iktibar yang kita peroleh daripada peristiwa kemasukan pengaruh komunis di negara kita?

BAB
6

Buku
Teks
ms 147

- I Memandang tinggi pengaruh luar
- II Mengharapkan bantuan luar sahaja
- III Saling bekerjasama antara kaum
- IV Mempunyai jati diri yang kukuh
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

4. Komunis ingin menubuhkan Republik Komunis di Tanah Melayu melalui _____.

Buku
Teks
ms 148

- A perjanjian damai
- B penguasaan ekonomi
- C perang saraf
- D gerakan bersenjata

5. Apakah tindakan komunis untuk melumpuhkan ekonomi Tanah Melayu?

Buku
Teks
ms 149

- I Merosakkan ladang getah
- II Memutuskan bekalan air
- III Merosakkan jalan raya
- IV Menyerang lombong bijih timah
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

6. Apakah iktibar daripada peristiwa serangan komunis di Tanah Melayu?

Buku
Teks
ms 151

- I Mewujudkan kerjasama antara kaum
- II Mengecilkan pasukan keselamatan
- III Menyokong keganasan pelampau
- IV Berhati-hati dengan ideologi luar
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

7. Apakah langkah British untuk mengekang ancaman komunis di Tanah Melayu?

Buku
Teks
ms 152

- A Menguatkuasakan Undang-undang Darurat
- B Melaksanakan serang hendap
- C Memperkasakan ekonomi
- D Menawarkan perkongsian kuasa

8. Apakah faktor utama Kampung Baru dibina oleh British?

Buku
Teks
ms 157

- A Memutuskan bekalan makanan komunis
- B Melindungi orang Cina
- C Menjimatkan perbelanjaan negara
- D Membantu operasi pasukan keselamatan

9. Manakah antara berikut merupakan langkah penting yang digunakan semasa perang saraf untuk mengekang komunis?

Buku
Teks
ms 159

- I Mengadakan lawatan
- II Memajukan khidmat penerangan
- III Meningkatkan serangan bersenjata
- IV Mengetatkan syarat kewarganegaraan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan IV
- D III dan IV

Soalan 10 berdasarkan pernyataan di bawah.

Buku
Teks
ms 159

- Bertindak untuk memenangi hati dan fikiran rakyat.
- Berjaya memujuk rakyat berbilang kaum supaya bersatu.

Berdasarkan pernyataan di atas, apakah usaha yang dijalankan untuk menangani ancaman komunis?

- A Rancangan Briggs
- B Perang saraf
- C Rundingan Baling
- D Tawaran pengampunan

11. Mengapakah kelonggaran syarat kewarganegaraan dilaksanakan oleh British dalam kempen perang saraf?

Buku
Teks
ms 159

- A Meningkatkan kutipan hasil cukai
- B Memberikan penghargaan kepada orang bukan Melayu
- C Melahirkan bangsa yang bersatu padu
- D Menambahkan bilangan pasukan polis

12. Mengapakah rundingan antara Tunku Abdul Rahman dengan Chin Peng menemui kegagalan?

Buku
Teks
ms 160

- A Tunku Abdul Rahman menolak syarat yang dikenakan oleh Chin Peng
- B Tunku Abdul Rahman tidak mahu meletakkan senjata
- C Chin Peng menyerahkan PKM kepada Tunku Abdul Rahman
- D Chin Peng enggan berdamai dengan Tunku Abdul Rahman

13. Bagaimanakah British mula yakin bahawa bukan semua orang Cina menyokong Komunis?

Buku
Teks
ms 161

- A Derma dari orang Cina terhadap British
- B Kewujudan Kampung Baru
- C Penubuhan Malayan Chinese Association (MCA)
- D Rapat umum yang menunjukkan sokongan terhadap British

14. Apakah faktor yang menyebabkan kos perbelanjaan pihak British meningkat semasa zaman darurat?

Buku
Teks
ms 162

- A Subsidi makanan percuma
- B Tawaran hadiah wang tunai
- C Melengkapkan pasukan keselamatan
- D Penempatan semula penduduk di pinggir hutan

15. Apakah faktor utama British mempercepatkan proses kemerdekaan Tanah Melayu?

Buku
Teks
ms 163

- A Melindungi orang Cina
- B Menghapuskan ancaman komunis
- C Menjimatkan kewangan British
- D Mengelakkan serangan pihak luar